

KESEJAHTERAAN SOSIAL ORANG MELAYU PASCA PILIHAN RAYA  
UMUM KE-14 DARI ASPEK KESELAMATAN

MOHAMAD NASIR BIN DRAHMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Falsafah

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SEPTEMBER 2023

## DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan kurnia-Nya, tesis ini dapat disiapkan sepenuhnya mengikut masa yang telah ditetapkan. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga buat ayah dan bonda, Hj Drahman bin Abd Kadir dan Hjh Asbah Binti Tahir, bagi setiap doa, jasa dan pengorbanan yang mengiringi kehidupan dan kejayaanku. Ucapan terima kasih juga buat isteri dan anak-anak serta seluruh keluarga diatas pertolongan, kesabaran, sokongan dan pengorbanan masa yang tidak ternilai harganya.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Harliana binti Halim selaku penyelia utama dalam kajian ini yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala pandangan dan tunjuk ajar yang teliti sangat membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Setinggi penghargaan juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membantu dalam melancarkan setiap urusan yang dijalankan.

Tidak dilupakan buat sahabat karib saya yang sering mendengar luahan hati dan perasaan saya sepanjang saya menulis tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung serta kepada rakan-rakan yang banyak memberikan sokongan. Akhir kata, semoga Allah S.W.T. melimpahkan rahmat ke atas mereka semua yang memberikan kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Syukran khathiran. JazakAllah khair. Alhamdulillah.

## ABSTRAK

Pilihan Raya Umum Ke-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018 telah mengejutkan pelbagai pihak apabila buat pertama kali dalam sejarah politik negara ini telah berlakunya perubahan politik. Barisan Nasional telah tewas kepada gabungan pakatan pembangkang Pakatan Harapan yang memenangi 122 kerusi parlimen, berbanding 79 kerusi parlimen yang dimenangi Barisan Nasional. Manakala Parti Islam Se-Malaysia yang bertanding bersendirian pula hanya mendapat 18 kerusi parlimen. Rentetan daripada perubahan tersebut, kaum bukan Melayu menunjukkan yang mereka semakin lantang mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu, kuasa Sultan, agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan yang sememangnya telah termaktub sebagai hak keistimewaan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, objektif yang pertama untuk kajian ini adalah bagi mengenal pasti konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14, objektif yang kedua, menerokai tindakan kerajaan Pakatan Harapan menyebabkan hak-hak kesejahteraan sosial dari segi keselamatan terancam bagi orang Melayu, dan objektif yang terakhir, menganalisis implikasi tindakan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan. Kaedah kualitatif dengan gabungan metod temu bual dan analisis dokumen diaplikasikan sebagai reka bentuk kajian. Kemudian, metod tringulasi diaplikasikan untuk pengesahan data kualitatif. Hasil kajian ini memaparkan kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan terancam ekoran daripada kerajaan tidak dapat membela persoalan dan kecaman yang diwujudkan terhadap orang Melayu sehingga menyebabkan perpaduan antara kaum menjadi rencam dan kritikal. Kajian akan menjadi bahan rujukan asas kepada kajian-kajian baru yang menyentuh kesejahteraan orang Melayu pada masa akan datang.

## ABSTRACT

The 14<sup>th</sup> General Election which took place on 9 May 2018 has surprised various parties when for the first time in the political history of this country there has been a political change. Barisan Nasional lost to the opposition coalition Pakatan Harapan which won 122 parliamentary seats, compared to 79 parliamentary seats won by Barisan Nasional. While Parti Islam Se-Malaysia, which contested alone, only won 18 parliamentary seats. As a result of these changes, the non-Malays show that they are increasingly disputing the special rights of the Malays, the power of the Sultan, Islam as the official religion of the Malaysian federation, and the Malay language as the official language of the federation which has indeed been enshrined as a privileged right in the Federal Constitution. This situation shows that the victory has given a "green light" to the non-Malays disputing the Supremacy of the Malays. Therefore, this study aims to first, identify the concept of social well-being of the Malays from the aspect of security after the Fourteenth General Election, secondly, explore the actions of the Pakatan Harapan government causing the rights of social well-being in terms of security to be threatened for the Malays, and thirdly, analyze the implications of the actions of the Fourteenth General Election on the social well-being of the Malays from the aspect of security. Qualitative methods with a combination of interview methods and document analysis are applied as a research design. Then, the triangulation method was applied to confirm the qualitative data. The results of this study show that the Pakatan Harapan government is unable to defend the issues and criticisms created against the Malays, thus causing the fabric of racial unity to become hostile and critical. The study will be a basic reference material for new studies that touch on the well-being of the Malays in the future.

**KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>2</b>
1.1 Pengenalan	2
1.2 Latar belakang	4
1.3 Permasalahan kajian	8
1.4 Persoalan kajian	10
1.5 Objektif kajian	11
1.6 Skop dan batasan kajian	11
1.7 Kepentingan kajian	12
1.8 Definisi operasional	12
1.8.1 Keselamatan	13
1.8.2 Perlembagaan	13

1.8.3	Kesejahteraan sosial	14
1.8.4	Hak istimewa orang Melayu	15
1.9	Rumusan	15
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>16</b>
2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep kesejahteraan sosial	16
2.3	Pendekatan kesejahteraan sosial	18
2.3.1	Pendekatan pembangunan sosial	18
2.3.2	Pendekatan pentadbiran sosial	19
2.3.3	Pendekatan derma sosial	20
2.3.4	Pendekatan kerja sosial	20
2.4	Konsep orang Melayu	21
2.5	Kajian tentang kesejahteraan sosial	23
2.5.1	Kajian lepas kesejahteraan sosial orang Melayu	23
2.5.2	Konsep kontrak sosial	24
2.5.3	Kontrak sosial di Malaysia	25
2.6	Kajian isu-isu sensitif dalam Perlembagaan Persekutuan	26
2.6.1	Perkara 153 hak istimewa orang Melayu	26
2.6.2	Perkara 152 bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan	30
2.6.3	Perkara 3 agama Islam	31
2.6.4	Kedudukan Raja-raja Melayu	33
2.6.5	Perkara 32 :Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara	34
2.6.6	Artikel 89: Tanah rizab Melayu	35
2.7	Kajian tentang Pilihan Raya Umum ke-14	36

2.7.1	Pilihan Raya Umum ke-14	36
2.7.2	Selepas Pilihan Raya Umum ke-14	39
2.7.3	Kaum Melayu berasa tidak selamat	43
2.7.4	Pengenalan tulisan khat dan jawi	48
2.7.5	Pakatan Harapan tidak sensitif perasaan kaum Melayu	49
2.7.6	Bendera negara tidak dihormati	50
2.7.7	Menteri Hal Ehwal Agama Malaysia menyuarakan sokongan untuk pekerja lesbian, gay, biseksual dan transeksual	54
2.7.8	Penghinaan ke atas agama Islam	56
2.7.9	Pelantikan bukan Melayu dalam jawatan penting	60
2.7.10	Pertikaian kuota matrikulasi dan ulasan PM yang tidak sensitif pada perasaan orang Melayu	62
2.7.11	Dividen ASB	63
2.7.12	Gagal menangani kegelisahan kaum Melayu	65
2.8	Rumusan	67
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>68</b>
3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka bentuk kajian	71
3.3	Pengumpulan data	74
3.3.1	Menganalisis dokumen	75
3.3.2	Temu bual separa berstruktur	76
3.3.3	Pemerhatian	77
3.3.4	Penilaian data	78
3.3.5	Analisis dan interpretasi data	78
3.4	Kesahan kajian	79

3.5	Rumusan	80
<b>BAB 4 ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>		<b>81</b>
4.1	Pengenalan	81
4.2	Konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14	81
4.2.1	Hak-hak istimewa orang Melayu	83
4.2.2	Penghinaan agama Islam	85
4.2.3	Penghinaan institusi beraja	87
4.3	Tindakan kerajaan Pakatan Harapan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 menyebabkan hak-hak kesejahteraan sosial orang Melayu dari segi keselamatan terancam	91
4.3.1	Pertikaian hak istimewa kaum Melayu	91
4.3.1.1	Sokong <i>International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination</i>	91
4.3.1.2	Penghapusan kuota untuk pelajar Melayu di universiti	92
4.3.2	Penghinaan agama Islam	94
4.3.2.1	Tulisan jawi	95
4.3.2.2	Sokong lesbian, gay, biseksual dan transeksual	96
4.3.3	Penghinaan Yang di-Pertuan Agong	97
4.3.3.1	Pasang bendera Malaysia terbalik	98
4.4	Implikasi tindakan kerajaan Pakatan Harapan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan	100
4.4.1	Pertikaian hak istimewa kaum Melayu	100



4.4.1.1	Sokong <i>International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination</i>	101
4.4.1.2	Penghapusan kuota untuk pelajar Melayu di universiti	102
4.4.1.3	Penghinaan agama Islam	103
4.4.1.4	Tulisan jawi	104
4.4.1.5	Sokong lesbian, gay, biseksual dan transeksual	105
4.4.2	Penghinaan kaum dan agama	106
4.4.3	Penghinaan Yang di-Pertuan Agong	108
4.4.4	Mengganggu keamanan negara	109
4.5	Rumusan	112
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		<b>113</b>
5.1	Pengenalan	113
5.2	Rumusan kajian	113
5.3	Dapatan kajian	114
5.3.1	Mengenal pasti konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan	114
5.3.2	Menyenaraikan elemen kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan	115
5.3.3	Menganalisis implikasi tindakan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan	116
5.4	Rumusan	119
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>123</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>140</b>

## SENARAI RAJAH

2.1	Insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman	48
2.2	Menunjukkan bendera Malaysia dipasang secara terbalik	53
2.3	Menunjukkan suspek yang mengibar bendera secara terbalik	54
2.4	Dr Mujahid bersalaman dengan Nisha Ayub	56
3.1	Proses reka bentuk pengkajian kualitatif	68
3.2	Reka bentuk pengkajian	74
4.1	Kod konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14	91
4.2	Kod tindakan kerajaan Pakatan Harapan menyebabkan hak-hak kesejahteraan sosial orang Melayu dari segi keselamatan terancam	100
4.3	Graf menunjukkan pecahan laporan polis Seksyen 298A Kanun Keseksan mengikut bangsa	108
4.4	Graf menunjukkan pecahan laporan polis Seksyen 504 Kanun Keseksan mengikut bangsa	111
4.5	Kod implikasi tindakan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan	112

**SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

LGBT	-	Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual
DAP	-	Democratic Action Party Malaysia
UMNO	-	United Malays National Organisation
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
ISMA	-	Ikatan Muslimin Malaysia
OCDSB	-	One City Development Sdn. Bhd.
ICERD	-	International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Jumlah Laporan Polis	133
B	Protokol dan Catatan Pemerhatian Temu Bual	137



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum di mana orang Melayu, Bumiputera Sabah serta Sarawak yang merupakan penduduk majoriti, dan diikuti oleh kaum Cina, India dan lain-lain. Setiap warganegara di Malaysia mempunyai hak dan kewajipan yang sama. Kekuatan yang mendasari Perlembagaan Persekutuan di Malaysia ialah penerimaan rakyat di era kemerdekaan terhadap perkara asas unsur-unsur tradisi yang meliputi kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, agama Islam sebagai agama persekutuan dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta sebagai timbal balik kerakyatan diberikan kepada bukan Melayu secara *jus soli*.

Semua perkara yang tersenarai sebagai unsur-unsur tradisi bukan merupakan satu peraturan baru, malahan hak-hak ini telah tercatat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan diwartakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, persoalan dan polemik tentang unsur-unsur tradisi sering kali ditimbulkan oleh pelbagai pihak. Pertentangan berhubung dengan peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu merupakan perbincangan yang sering diperdebatkan. Sebagai contoh, konsep persamaan yang dipelopori di bawah slogan *Malaysian Malaysia* ditujukan ke arah pembasmian apa yang dikatakan sebagai diskriminasi dan layanan tidak adil hasil daripada penggunaan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Orang Melayu merasa tidak senang, terganggu dan melihat slogan ini sebagai satu percubaan untuk mempersoal dan mengurangkan kedudukan mereka yang akhirnya membawa kepada pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965 (Yaakop, 2011). Konsep ini juga menuntut pemberian kerakyatan kepada penduduk asing melalui prinsip *jus soli* namun bahasa Melayu dikekalkan sebagai bahasa kebangsaan (Ramli & Othman, 2012).

Sehingga kini, kedudukan orang Melayu masih dicabar dan digugat dari masa ke semasa, walhal perkara ini telah dipersetujui oleh orang bukan Melayu dan diterapkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang utama seluruh rakyat Malaysia. Kedudukan dan pelaksanaan keistimewaan orang Melayu, kedudukan raja-raja Melayu, bahasa dan agama dalam Perlembagaan Persekutuan tidak pernah sunyi daripada kritikan dan persoalan kerana etnik bukan Melayu berasa bahawa unsur-unsur tradisi ini menjadikan sistem yang sedia ada tidak demokratik.

Manakala di pihak orang Melayu, peningkatan pertikaian terhadap unsur-unsur tradisi ini dilihat akan menggugat kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan. Justeru, kajian ini berusaha untuk membincangkan konsep dan definisi kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan serta perkaitannya dengan unsur-unsur tradisi iaitu hak istimewa orang Melayu (Perkara 153), status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Perkara 152), agama Islam sebagai agama rasmi (Perkara 3) dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara (Perkara 32) amnya yang telah dibangkitkan serta dipertikaikan justeru tamatnya Pilihan Raya Umum ke-14 tanggal 9 Mei 2018 yang lepas.

Pilihan Raya Umum Ke-14 telah mencatat sejarah dalam politik kepartian di Malaysia. Buat pertama kalinya selepas negara mencapai kemerdekaan, tampuk kekuasaan negara diambil alih oleh satu kuasa gabungan baru iaitu Pakatan Harapan (Pakatan Harapan). Namun begitu, Pakatan Harapan gagal menunai janji manifesto yang dibuat dan penularan isu perkauman yang tidak terkawal ternyata meresahkan masyarakat Melayu dan juga kedudukan Islam.

Ekosistem politik perkauman di era pemerintahan Pakatan Harapan yang tidak terkawal telah meningkatkan sokongan masyarakat Melayu kepada parti politik yang berbasiskan perjuangan Melayu-Islam seperti *United Malays National Organisation*

(UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia. Isu seperti perhimpunan lesbian, gay, biseksual, dan transgender, ratifikasi *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*, paparan lambang salib setinggi bangunan, pendedahan video berkaitan gerakan Kristianisasi pasca kekalahan BN dan pengajuran *October Fest* merupakan antara isu-isu yang mengancam kepentingan Melayu-Islam. Justeru, Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesejahteraan orang Melayu dari segi keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14.

## 1.2 Latar belakang

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018 menyaksikan buat pertama kalinya BN telah kalah di peringkat persekutuan dan kehilangan beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah (Ismail, 2018). Parti pembangkang daripada Pakatan Harapan telah berjaya membentuk kerajaan persekutuan dan juga membentuk beberapa buah kerajaan di peringkat negeri. Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 ini juga menandakan berakhirnya dominasi kerajaan BN selama beberapa dekad (Berita Harian, 2018).

Namun, beberapa isu penting berkaitan dengan hak orang Melayu di Malaysia dan unsur-unsur tradisi semakin dipersoalkan setelah Pakatan Harapan memegang kuasa. Secara umumnya, pelbagai hak istimewa orang Melayu dipersoalkan oleh kumpulan ultra-pluralis, iaitu kumpulan yang memperjuangkan hak sama rata antara kaum dan agama antaranya, isu kedudukan Islam sebagai agama persekutuan, kedudukan bahasa Melayu, peranan institusi beraja dan hak keistimewaan Melayu.

Rentetan daripada itu, isu kesejahteraan sosial dari segi keselamatan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 telah muncul. Terdapat dua kem utama dalam Kajian Keselamatan iaitu yang pertama, kumpulan yang melihat bahawa keselamatan perlu dinilai sebagai sesuatu yang objektif iaitu keadaan di mana seseorang mempercayai bahawa ancaman tersebut wujud dan bukannya berdasarkan persepsi. Seterusnya, kumpulan kedua yang menganggap keselamatan perlu dilihat sebagai sesuatu yang subjektif, iaitu kepercayaan bahawa ancaman tersebut wujud dipengaruhi oleh elemen

persepsi. Menurut Buzan dan Hansen (tahun), definisi objektif-subjektif ini pada awalnya diberikan oleh Wolfers pada 1952.

Wolfers (1952) berhujah keselamatan daripada perspektif *objective sense*, merujuk kepada keadaan di mana ketiadaan ancaman ke atas nilai-nilai asas yang ingin dipertahankan, manakala daripada *subjective sense*, merujuk kepada keadaan di mana *the absence of fear that such values will be attacked*. Dalam hal ini, Wolfers (1952) mengakui bahawa wujud kesukaran kepada negara dalam menilai ancaman tersebut secara objektif kerana elemen subjektiviti sering memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penilaian ini. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketegangan dalam memahami persoalan ini daripada kedua-dua perspektif terbabit.

Mohd Anuar *et al.* (2018) mendakwa bahawa orang bukan Melayu telah mendesak supaya peningkatan terhadap hak-hak mereka turut dilakukan kerana berpegang kepada prinsip kesamarataan. Isu ini tidak sepatutnya didebatkan kerana hak istimewa tersebut digubal dalam pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957 di mana Islam telah diberikan taraf agama negara setelah mengambilkira suara pelbagai pihak (Wan Ahmad Fauzi *et al.*, 2017).

Nazri Muslim *et al.*, (2013) berpendapat bahawa keistimewaan yang diberikan kepada masyarakat bumiputera ialah adil. Hal ini kerana keadilan dalam Islam bukan bererti sama rata, begitu juga halnya dalam agama lain, mereka juga tidak merujuk keadilan sebagai sama rata. Hak istimewa ini adalah adil kerana sumbangan sejarah dan perjuangan mereka semenjak daripada zaman pra kemerdekaan dan selepasnya sehingga kepada tertubuhnya Malaysia yang ada pada hari ini. Apatah lagi orang Melayu ini leluhurnya merupakan penduduk asal Tanah Melayu.

Secara ringkasnya, sebab-sebab tersebut merangkumi peranan memberi watak dan keperibadian dalam pembentukan negara, sumbangan dalam menubuhkan tamadun antarabangsa, jasa orang Melayu dalam mempertahankan kawasan ini dari ancaman luar dan penjajahan, serta sikap berlapang dada dan muhibah orang Melayu dalam menerima kaum lain sebagai warganegara seharusnya diraikan. Pendapat dan pandangan mereka perlu diambilkira kerana perjuangan inilah yang melatari sejarah kewujudan tanah air yang panjang dan elemen sumbangan menjadi asas kepada kerelevanan hak istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan (Nazri *et al.* 2013).



Di samping itu, kontrak sosial adalah berasaskan persetujuan bersama antara kaum-kaum yang berbeza di Tanah Melayu untuk saling menerima, memahami, menghormati dan bertolak ansur mengenai status quo masing-masing dalam usaha mewujudkan perpaduan ke arah kemerdekaan menandakan bahawa orang bukan Melayu atau Bumiputera mengiktiraf hak-hak istimewa ini (Siti Ajar & Safiah Ahmad, 2013).

Namun terdapat dakwaan bahawa kontrak sosial sudah tidak relevan lagi dalam pemerintahan era baru iaitu semasa pemerintahan Pakatan Harapan dan kesamarataan hak bagi semua bangsa di Malaysia perlu diaplikasi (Iskandar Hassan, 2019; Ismail Sualman, 2019). Ini ditunjukkan dalam desakan untuk menandatangani *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* yang diterajui oleh pengerusi *Hindu Rights Action Force* (HINDRAF) merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Konvensyen ini menuntut sebarang perbezaan, pengecualian, sekatan atau keutamaan berdasarkan bangsa, warna dan keturunan yang bermakna hak istimewa orang Melayu perlu dihapuskan kerana ianya bersifat diskriminasi (Kartini Khalid & Suraiya Ishak, 2019).

Kesannya, semua undang-undang Malaysia, termasuk Perlembagaan, akan terpaksa dipinda atau dimansuhkan. Segala peruntukan yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dimansuhkan atau dipinda. Ini termasuklah pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan, dan pemberian permit atau lesen dan sebagainya, tidak boleh mengikut kuota orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak lagi.

Perbadanan Nasional Berhad yang mengeluarkan Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Nasional dan lain khusus untuk Bumiputera akan ditutup atau semua produknya dibuka kepada orang bukan Melayu dan bukan anak negeri Sabah dan Sarawak. Universiti Teknologi MARA (UiTM), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Institusi Kemahiran MARA (IKM) dan yang serupa dengannya akan ditutup atau dibuka kepada semua.

Selain itu, isu penghinaan terhadap agama Islam juga dilihat semakin meningkat. Mengikut data kes penghinaan agama Islam yang diambil dari Sistem Laporan Polis (iPRS) PDRM (2020) mencatatkan sebanyak 65 kes hina agama Islam dilaporkan setakat dari tahun 2018 hingga tahun 2020. Antara kes yang popular dan seringkali dilaporkan ialah aktiviti memuatnaik karikatur berunsur penghinaan Nabi Muhammad SAW di dalam laman sesawang sosial *Facebook* melibatkan warga emas Wai Foo Sing dan Wendy Loong (BH Online, 2019).

Wai Foo Sing merupakan seorang warga emas berusia 68 tahun berketurunan Cina telah didakwa dengan sengaja memuat naik karikatur gambar Nabi Muhammad SAW dan isteri baginda, Saidatina Aishah SA di mana Nabi Muhammad SAW digambarkan sebagai seorang lelaki Muslim berusia sedang memegang tangan isterinya Saidatina Aishah SA, yang digambarkan sebagai seorang kanak-kanak.

Ini adalah salah satu tindakan klasik mencetuskan sentimen *Islamophobia* terhadap Islam dengan merujuk Nabi sebagai seorang pedofilia yang bukan hanya terjadi di Malaysia malah meluas di negara luar terutamanya Barat (Abur Hamdi *et al.*, 2019). Selain itu, kes Wendy Loong juga melibatkan aktiviti memuat naik karikatur berunsur penghinaan agama Islam di mana karikatur Nabi Muhammad SAW digambarkan sedang melakukan hubungan seks luar tabii' bersama seekor khinzir bertubuh manusia dan menyebut *Praise Allah*, dengan kapsyen *Fuck Muhammad* (Sinar Harian, 2019).

Kedua-dua kes ini bukan sahaja disiasat di bawah 298A Kanun Keseksaan malah turut disiasat mengikut Seksyen 504 Kanun Keseksaan kerana cubaan mengganggu gugat keharmonian umum. Tidak kurang juga isu penghinaan terhadap institusi beraja. Sebanyak 209 laporan polis dicatatkan setakat April 2019 melibatkan kes penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong yang disiasat mengikut Akta Hasutan 1948 (Harian Metro, 2019).

Tindakan ini adalah bertujuan untuk mencetuskan provokasi, penghinaan atau hasutan untuk membenci institusi beraja di Malaysia (Syahira Omar & Wan Amizah, 2017). Isu lain melibatkan perbuatan provokasi yang mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman awam seperti kes protes seorang pelajar bernama Wong Yan Ke semasa majlis konvokesyen Universiti Malaya (UM) di mana beliau telah melanggar

protokol istiadat dengan mengeluarkan plakad mendesak pemimpin UM meletak jawatan dan melaungkan perkataan ‘Tolak Rasis’, ‘Undur VC’ dan ‘Ini Tanah Malaysia’ (BH Online, 2019). Beliau didakwa di bawah Sekyen 504 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menggugat keharmonian di samping mengaibkan institusi di mana beliau belajar.

### 1.3 Permasalahan kajian

Daripada latar belakang masalah yang dibincangkan, pengkaji mendapati bahawa isu-isu sensitif yang melibatkan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera semakin dipertikaikan secara meluas dan terang-terangan melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* pasca Pilihan Raya Umum Ke-14. Pihak yang mencabar hak-hak istimewa ini tidak hanya tergolong dalam kalangan bukan Melayu, malah ada di antara orang Melayu sendiri yang terpengaruh dengan fahaman yang bersifat membenci institusi beraja dan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Selain itu, kebangkitan parti atau gerakan seperti *Democratic Action Party* (DAP) dan HINDRAF yang berasaskan kaum Cina dan India serta bermatlamat memperjuangkan hak-hak kesamarataan semakin mempunyai suara dalam mencabar kesejahteraan sosial orang Melayu dan Bumiputera.

Misalnya, pimpinan DAP mengajak rakyat bersolidariti sebagai bantahan terhadap hukuman penjara yang ditambah ke setahun oleh Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap Wan Ji kerana menghina Sultan. Wan Ji dipenjara selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman sembilan bulan penjara kerana menerbitkan perkataan menghasut terhadap Sultan Sharafuddin (UMNO Online, 2019). Oleh demikian, ini akan mempengaruhi masyarakat Cina dan India khususnya untuk menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap sistem sedia ada, terutamanya melibatkan pertikaian hak istimewa Melayu dan Bumiputera.

Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan kini dipermainkan, Islam dihina dan institusi raja diperlekehkan dengan alasan Malaysia baru setelah peralihan kuasa dari BN ke Pakatan Harapan perlu berlandaskan konsep kesamarataan antara semua kaum. Terkini, terdapat sebilangan pengguna media sosial terutamanya dari kaum

India dan Cina telah mula mengeluarkan tuduhan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan diskriminasi atau rasisme dan sering menindas kaum minoriti berikutan solidariti mereka dengan gerakan *Black Lives Matter* (BLM) yang berlaku di Amerika Syarikat (Holt & Sweitzer, 2020).

Diskriminasi yang didakwa berlaku di Malaysia bersifat Dasar diskriminasi etnosentrik positif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diamalkan sejak tahun 1971, bertujuan untuk menangani ketidaksamaan pendapatan dan jurang ekonomi. Ia adalah tindak balas kepada rusuhan kaum 1969 yang melibatkan orang Cina dan Melayu. Oleh itu, DEB wujud untuk menangani masalah ekonomi dalam kalangan orang Melayu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah tersasar daripada objektif asal untuk menangani ketidaksamaan ekonomi. Ketidakpuasan masih wujud dalam kalangan etnik Cina dan India apabila keistimewaan bantuan kerajaan lebih tertumpu pada kaum Melayu (Fee & Appudurai, 2011).

Universiti ialah pusat di mana kebangkitan sivik dan pembangunan identiti dikembangkan. Walau bagaimanapun, institusi pengajian tinggi dalam konteks Malaysia merupakan cabaran getir bagi parti pemerintah. Berikutan rusuhan kaum pada tahun 1969, kuota etnik ditetapkan pada nisbah 55:45 Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk setiap program di universiti awam seluruh negara melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini diurus dan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelia kelancaran pelaksanaannya (Wan & Sirat, 2018) yang memberi tumpuan kepada peningkatan peluang Bumiputera memasuki universiti melalui kuota dan sistem biasiswa (Arshad & Bin, 2016).

Kuota dan biasiswa diberikan khususnya kepada kumpulan etnik majoriti iaitu Bumiputera bagi meningkatkan peluang mereka memasuki universiti. Pada tahun 2002, sistem kuota etnik ini dihentikan dan kemasukan ke universiti adalah berdasarkan meritokrasi. Pemimpin bukan Melayu menuduh kerajaan lebih memihak kepada Bumiputera menjadi isu yang dipertikaikan dalam landskap sosial Malaysia (Joseph, 2008).

Tindakan ini adalah merupakan satu cabaran besar kepada kesejahteraan sosial orang Melayu. Sikap sesetengah pihak tidak menghormati hak istimewa orang Melayu boleh mengundang perbalahan dalam kalangan penduduk di Malaysia. Tidak

dinafikan bahawa terdapat lebih ramai rakyat di negara ini yang menyokong akan keamanan dan menolak sekeras-kerasnya perbalahan yang mungkin boleh berlaku, namun akibat daripada provokasi, campur tangan politik serta keketekan ilmu pengetahuan yang melibatkan isu-isu penting di negara ini telah mengakibatkan wujudnya ketegangan antara kaum sama ada melibatkan kaum Melayu dengan kaum Cina atau kaum Melayu dengan kaum India. Perbalahan yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa ini sangat membimbangkan sehingga wujudnya rasa trauma dalam kalangan masyarakat secara tidak langsung.

Kesan buruk yang boleh dilihat sendiri oleh rakyat Malaysia telah berlaku di luar negara akibat daripada perbalahan antara kaum telah menjadi penanda aras kepada rakyat Malaysia sendiri, kerana sekiranya tercetus pergaduhan atau rusuhan maka pastinya kesannya adalah lebih kurang sama dengan apa yang pernah dilihat sebelum ini. Justeru, langkah-langkah berkaitan perlu dilaksanakan supaya keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia terjaga tanpa mengganggu gugat status istimewa kaum Melayu dan Bumiputera yang berjuang sepenuh tenaga melindungi Malaysia daripada ancaman penjajah pada zaman dahulu.

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dikenal pasti, terdapat keperluan untuk menjalankan satu pengkajian khusus mengenai kesejahteraan sosial Orang Melayu dari aspek keselamatan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian yang seterusnya dapat menyumbang kepada bidang ilmu sedia ada.

#### **1.4 Persoalan kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Apakah konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14?
- ii. Bagaimanakah tindakan kerajaan Pakatan Harapan menyebabkan hak-hak kesejahteraan sosial dari segi keselamatan terancam bagi orang Melayu?
- iii. Bagaimanakah implikasi tindakan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan?

## 1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti konsep kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan selepas Pilihan Raya Umum ke-14.
- ii. Menerokai tindakan kerajaan Pakatan Harapan menyebabkan hak-hak kesejahteraan sosial dari segi keselamatan terancam bagi orang Melayu.
- iii. Menganalisis implikasi tindakan Pilihan Raya Umum ke-14 terhadap kesejahteraan sosial orang Melayu dari aspek keselamatan.

## 1.6 Skop dan batasan kajian

Skop kajian tertumpu kepada isu-isu sensitif kesejahteraan sosial orang Melayu pasca Pilihan Raya Umum ke-14 bermula daripada tahun 2018 sehingga 2020. Tahun ini dipilih berdasarkan kepada pertimbangan terhadap kepelbagaian isu yang timbul di media massa berhubung kesejahteraan sosial orang Melayu.

Selain itu, skop kajian ini akan memfokuskan kepada isu-isu keselamatan yang menggugat kesejahteraan sosial orang Melayu meliputi laporan orang awam terhadap pelanggaran undang-undang di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu “Menyebabkan, dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dsb. pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan” penghinaan terhadap hak-hak orang Melayu, Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu “Dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan”, Seksyen 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia iaitu “Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dll” bagi menghina Yang di- Pertuan Agong. Isu-isu pelanggaran seksyen ini dikenal pasti secara tinjauan awal terhadap laporan orang awam meliputi kedudukan agama Islam dan institusi beraja di Malaysia.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan atau limitasi yang telah dikenalpasti. Pertama, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di mana pengumpulan data hanya dilakukan melalui proses analisis dokumen, temu bual serta triangulasi



dokumen yang telah dikumpul. Pengumpulan data melalui kaedah kualitatif dapat membantu kepelbagaian data yang dikutip di samping meningkatkan kebolehan hasil kajian untuk digeneralisasikan dan seterusnya meningkatkan tahap relevan data dan hasil kajian yang dijalankan.

### **1.7 Kepentingan kajian**

Kajian yang dijalankan ini penting sebagai sumber rujukan kepada agensi-agensi kerajaan dalam membuat dasar-dasar yang boleh mewujudkan perpaduan kaum. Kajian ini diharapkan akan dapat membantu untuk memberi pendedahan kepada orang Melayu dan bukan Melayu menghayati dengan lebih lanjut dan mendalam mengenai justifikasi hak-hak istimewa diberikan kepada orang Melayu dan membantu mereka untuk menilai perlakuan sendiri serta menanam sifat bertolak-ansur dan menghormati undang-undang negara. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi input dan nilai tambah yang membantu pemerhati politik dan pembuat dasar khususnya bukan Melayu untuk memahami hak-hak orang Melayu dalam merangka dasar negara.

Ini kerana orang Melayu merupakan tonggak utama kepada negara Malaysia sejak zaman ketamadunan tradisional. Penyenaian isu dari aspek keselamatan akan membantu kerajaan Malaysia untuk mendapatkan sokongan dan penyertaan dalam kalangan orang Melayu terhadap usaha-usaha pembangunan negara. Selain itu, diharapkan dapatan daripada pengkajian akan membantu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mengenalpasti isu penting yang menjadi keutamaan orang Melayu dalam proses penggubalan strategi atau polisi berkaitan perpaduan masyarakat Malaysia berbilang kaum.

### **1.8 Definisi operasional**

Dalam kajian ini, pengkaji telah memberikan definisi terhadap istilah utama bertujuan untuk mengelakkan salah faham dan kekeliruan dalam kalangan pembaca. Berikut adalah istilah utama yang penting berdasarkan tajuk dan persoalan kajian yang dirasakan perlu ditakrifkan oleh pengkaji iaitu:

### 1.8.1 Keselamatan

Keselamatan adalah satu konsep yang berteraskan aspek kemanusiaan. Konsep ini merujuk kepada suatu keadaan terpelihara atau terhindar daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan (Ahsan, 2016). Mengikut Hama (2017) pula, keselamatan ialah suatu perkara atau langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya peristiwa yang tidak diingini seperti kecederaan atau kehilangan nyawa.

